

BENGKEL TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN (AI) DALAM PENDIDIKAN

SK Dato' Syed Zain Alshahab, Kluang

AI dalam Pendidikan

Gemini Notebook • Canva AI for Education

Beri AI sasaran murid, bukan sekadar satu arahan.

PENCERAMAH

Ts. Ashraf bin Naim

Penolong PPD • PPD Kluang

TARIKH & TEMPAT

9 September 2026 • 2.00 hingga 4.00 petang

Bilik Mesyuarat Darul Hikmah, SKDSZA



Alat baharu, cara lama?

Tiga arahan yang paling kerap ditaip guru. Tidak salah, cuma kecil.

”

“Tolong buat 'lesson plan'.”

”

“Tolong buat 10 soalan kuiz.”


”

“Tolong ringkaskan PDF ini.”

CARA YANG LEBIH SENANG

Selama ini: satu arahan, satu jawapan, kita sunting sendiri.

Cuba cara ini: beritahu AI siapa murid anda dan apa sasarannya, kemudian biar AI yang susun langkahnya.



Objektif Bengkel

Dalam dua jam ini, anda akan mampu...



1

Tulis satu ayat sasaran

Tiga soalan sebelum taip prompt, kemudian satu ayat sasaran murid yang boleh ditampal dalam mana-mana prompt.



2

Kuasai Gemini Notebook

Bina 'notebook' subjek, tanya soalan berujukan dan jana bahan Studio dalam Bahasa Melayu.



3

Kuasai Canva AI

Jana slaid PdP daripada rangka yang disemak, aktiviti murid siap agih dan bahan interaktif Canva Code.



4

Sambung dua alat

Notebook untuk fakta dan kuiz, Canva untuk rupa dan aktiviti; satu pakej PdP kecil untuk topik sendiri.



5

Amalkan etika data

Guna akaun DELIMa, lindungi data murid dan semak setiap fakta sebelum diedar.



Matlamat hari ini

Setiap guru pulang dengan satu pakej PdP mini yang sudah dicuba, dan satu ayat sasaran untuk topik sendiri minggu depan.

Buka LMS Sekarang

Semua langkah, prompt sedia salin dan bahan ada di dalamnya. LMS kekal dibuka selepas bengkel.

1



Daftar nama

Taip nama dan subjek; progres anda disimpan.

2



Empat aktiviti berpandu

Aliran ikon langkah demi langkah, kemudian satu halaman Pelan Kelas Saya.

3



Sumber disediakan

Buku Teks Sains T4 Unit 2 (PDF) sedia muat turun.

4



Ruang Pameran

Hantar pautan hasil; kita tayang di skrin.

AKSES SISTEM

skdsza.tsapps.my



Imbas atau taip dalam Chrome • telefon atau laptop

Guna akaun DELIMa untuk Notebook dan Canva



01

SLOT 1

Tiga Soalan Sebelum Taip

Cara lama lawan cara baharu • tiga soalan • Buat, Cuba, Baiki • satu ayat sasaran • akaun DELIMa



Cara Lama atau Cara Baharu?


Alat yang sama. Bezanya pada apa yang kita beritahu AI sebelum ia mula bekerja.



Cara lama

minta satu output

- Satu arahan, satu jawapan, guru sunting sendiri.
- AI tidak kenal murid anda; ia hanya tahu ayat arahan itu.
- Hasil umum, kerap kena tulis semula.
- Guru sibuk menaip, AI sekadar menjawab.



Cara baharu

beri sasaran murid

- ✓ Guru beritahu siapa murid dan apa bukti mereka faham.
- ✓ AI membaca bahan anda (buku teks, DSKP) dahulu.
- ✓ AI susun langkah, bina bahan dan sediakan kuiz untuk cuba.
- ✓ Guru semak, baiki dan putuskan. Guru kekal nakhoda.



Tabiat baharu yang kita bawa balik hari ini: sebelum taip prompt, jawab tiga soalan dahulu.

Tiga Soalan Sebelum Taip Prompt

Jawab dalam kepala atau di kertas. Jawapannya masuk ke dalam prompt anda.



1

Siapa murid saya?

Tahun berapa, aras mana, apa yang mereka sudah tahu.



2

Apa bukti mereka faham?


Kuiz 5 soalan? Hasil kerja? Boleh terangkan kepada rakan?



3

Bahan apa AI perlu baca?

Buku teks, DSKP atau nota anda. Muat naik dahulu, baru tanya.




CONTOH: TIGA JAWAPAN ITU MASUK KE DALAM PROMPT

Murid saya Tahun 4, ramai yang sederhana. Saya mahu mereka dapat menyusun laluan udara dari hidung ke peparu; bukti: kuiz 5 soalan. Guna buku teks yang saya muat naik. Buat nota ringkas dan kuiz itu dalam Bahasa Melayu mudah.

Buat, Cuba, Baiki

Tiga langkah yang kita ulang dalam setiap aktiviti hari ini



1



Buat

Minta AI hasilkan bahan daripada bahan yang anda muat naik.

2



Cuba

Cuba sendiri dahulu: jawab kuiz, tonton video, baca nota. Cari yang tak kena.

3



Baiki

Beritahu AI apa yang lemah, jana semula, kemudian guna dalam kelas.



Langkah yang paling kerap dilangkau ialah Cuba. Hari ini Quiz Studio digunakan untuk mencuba bahan anda sendiri sebelum diberikan kepada murid.

Satu Ayat Sasaran, Satu Resipi Prompt

Ayat sasaran ialah isi; resipi CTFC ialah bekasnya. Tampil ayat sasaran di awal setiap prompt.

AYAT SASARAN (DUA TEMPAT KOSONG)

Murid [tahun] dapat [buat apa], dan saya tahu melalui [bukti].

CONTOH

Murid Tahun 4 dapat menyusun laluan udara dari hidung ke peparu, dan saya tahu melalui kuiz 5 soalan.

C Context

Siapa anda dan murid anda

"Saya guru Sains Tahun 4. Murid saya ramai yang sederhana."

T Task

Apa yang anda mahu (+ bahan)

"Berdasarkan buku teks yang dimuat naik, buat 5 soalan kuiz topik pernafasan."

F Format

Bentuk jawapan

"Jadual: soalan, pilihan A hingga D, jawapan."

C Constraints

Syarat

"Bahasa Melayu mudah. Kalau tiada dalam buku, cakap TIADA."

SEMUA SEKALI DALAM SATU PROMPT (TAMPAL DALAM CHAT NOTEBOOK SELEPAS MUAT NAIK BAHAN)

Saya guru Sains Tahun 4; murid saya ramai yang sederhana. Sasaran: murid Tahun 4 dapat menyusun laluan udara dari hidung ke peparu, dan saya tahu melalui kuiz 5 soalan. Berdasarkan buku teks yang dimuat naik, buat nota ringkas dan kuiz itu. Bahasa Melayu mudah; kalau tiada dalam buku, cakap TIADA.

Kunci Semuanya: Akaun DELIMa Anda

nama@moe-dl.edu.my membuka kedua-dua alat secara percuma

1

Gemini Notebook



Log masuk notebook.google.com dengan akaun moe-dl.edu.my. Lencana 'PLUS' menunjukkan pelan sekolah aktif; had harian mengikut pelan itu.

2

Canva for Education



Akaun MOE membuka semua ciri premium Canva secara percuma, termasuk 'Create student activities', Magic tools dan Canva Code.

3

Belum aktif?



Log masuk DELIMa 3.0 di d3.delima.edu.my dahulu, kemudian buka Notebook atau Canva dalam pelayar yang sama.



Tanda akaun sekolah aktif: lencana 'PLUS' di Gemini Notebook dan menu 'Classroom' di bar sisi Canva.



02

SLOT 2

Gemini Notebook

Pakar dokumen anda (dahulunya NotebookLM): jawapan berujukan daripada sumber ANDA, Studio 9 alat, semuanya dalam Bahasa Melayu.



Apa Itu Gemini Notebook?

Nama baharu sejak 16 Julai 2026 • notebook.google.com • termasuk dalam akaun DELIMa

01

Menjawab daripada sumber ANDA

Muat naik buku teks, DSKP, nota atau pautan YouTube; AI menjawab daripada kandungan itu sahaja, dengan nombor rujukan yang boleh diklik.



02

Studio 9 alat penjana bahan

Kuiz, kad imbasan, peta minda, laporan, slaid, infografik, jadual data, audio dan video, semuanya daripada sumber yang sama.



03

Bahasa Melayu sedia ada

Settings → Output language → Melayu. Kebanyakan alat Studio juga ada pilihan bahasa dalam dialognya.



BAYANGKAN

Seorang pembantu yang sudah membaca semua fail anda dan sedia dijadikan 24 jam sehari.

Antara Muka: Tiga Panel, Satu Aliran

Sumber dahulu. Fahamkan melalui Chat. Kemudian hasilkan di Studio.



Sources (kiri)

Butang '+ Add sources': Upload files, Websites (termasuk YouTube), Drive, Play Books, Copied text. Kotak 'Search the web for new sources' dengan Fast Research.



Chat (tengah)

Kotak 'Ask a question or create something'. Jawapan datang dengan nombor rujukan; 'Save to note' menyimpan jawapan. Ikon tune membuka 'Configure Chat'.



Studio (kanan)

Sembilan kad alat. Klik nama untuk jana terus, atau anak panah '>' untuk tetapan. Bahan siap tersimpan di bawah kad.



Pada telefon

Tiga panel menjadi tiga tab di atas: Sources, Chat, Studio. Semua fungsi sama.



Configure Chat

Gaya: Default, Learning Guide, Custom (tuliskan persona 'Cikgu Pembantu'). Panjang jawapan: Default, Longer, Shorter.

Sumber Dahulu, Kemudian Tanya dan Semak

Lima klik pertama yang menentukan kualiti semua bahan selepasnya

1

Settings → Output language → Melayu → Save

Sekali sahaja; semua jawapan dan bahan Studio ikut bahasa ini.

2

+ Create new notebook

Namakan ikut subjek dan tahun supaya mudah dicari.

3

+ Add sources → Upload files

PDF buku teks Unit 2 (4MB). Tunggu nama fail muncul dengan tanda semak.

4

Tanya dengan CTFC, klik nombor rujukan

Petikan sebenar buku teks terbuka; baca ayat sebelum dan selepasnya.

5

Uji sempadan, kemudian Save to note

Tanya apa yang TIDAK ada dalam sumber. Simpan jawapan yang disahkan.

PROMPT 1 • SEDIA SALIN DALAM LMS (AKTIVITI 1)

Berdasarkan buku teks yang dimuat naik, terangkan laluan udara semasa manusia menarik nafas bermula dari hidung hingga ke peparu, dalam bentuk jadual dua lajur: bahagian yang dilalui dan fungsinya. Bahasa Melayu mudah untuk murid Tahun 4.


PROMPT 2 • LANGKAH UJI

Senaraikan 3 perkara tentang pernafasan manusia yang biasa ditanya murid Tahun 4 tetapi TIDAK diterangkan dalam sumber ini. Nyatakan dengan jelas jika maklumat tiada.



Studio: Sembilan Alat Penjana Bahan

Satu klik nama untuk jana terus, anak panah '>' untuk tetapan penuh



Audio Overview

Rangsangan pendengaran, set induksi, ulang kaji dalam kereta.

Masa: beberapa minit



Video Overview

Set induksi visual, penerangan konsep sukar.

Masa: paling lama, beberapa minit



Slide Deck

Slaid PdP pantas, boleh dieksport dan dihalusi dalam Canva.

Masa: 1 hingga 2 minit



Mind Map

Rumusan topik bersama murid, kembang dan kuncup cabang.

Masa: saat



Reports

Nota poket, panduan belajar, RPH draf, tiga versi nota aras berbeza.

Masa: 1 minit



Flashcards

Latih tubi istilah; muka depan kad pendek 1 hingga 5 patah perkataan.

Masa: saat



Quiz

Menguji bahan anda sendiri sebelum murid; set induksi atau penutup.

Masa: saat



Infographic

Poster kelas satu halaman, muat turun PNG.

Masa: 1 hingga 2 minit



Data Table

Jadual fakta tersusun, salin ke dokumen atau slaid.

Masa: saat

LMS → Studio: Pembina Prompt, peta setiap dialog, dan bonus dua sambungan Chrome percuma (Prompt Generator, Quiz Exporter).

Rahsia Bahan Menarik: Kotak Fokus dan Tema

Kotak 'Describe...' dalam setiap dialog menerima arahan penuh; Pembina Prompt di LMS menyusunnya untuk anda.

SLIDE DECK • TEMA SUPERHERO (SUMBER: SAINS T4 UNIT 2)

Slaid tentang sistem pernafasan manusia untuk murid Tahun 4 dengan tema superhero. Setiap organ pernafasan diperkenalkan sebagai wira dengan 'kuasa' tersendiri (contohnya Peparu si penukar udara), bahasa Melayu mudah dan ceria, ada soalan pantas 'Misi Kilat' pada setiap 2 slaid, akhiri dengan 'Misi Utama' iaitu cabaran mengira kadar pernafasan sendiri.

INFOGRAPHIC • TEMA BLOK BINAAN

Infografik satu halaman tentang laluan udara semasa pernafasan manusia untuk murid Tahun 4, tema blok binaan berwarna-warni: setiap peringkat laluan (hidung, trakea, peparu) ialah satu blok yang bercantum dari bawah ke atas, bahasa Melayu mudah, maksimum 6 blok, setiap blok ada ikon dan satu ayat ringkas.



Tema mengikut minat murid

Superhero, blok binaan, angkasa, bawah laut, sukan; pilih dalam Pembina Prompt di LMS → Studio.



Sebut Bahasa Melayu dan tahun

Dalam kotak fokus DAN dalam 'Choose language' dialog itu.



Cuba dengan Quiz selepas jana

Jawab sendiri; soalan yang mengelirukan menandakan bahan perlu dibaiki.

Tiga Perkara yang Berubah pada 2026

Disemak pada akaun DELIMa, 8 September 2026

1

Video Overview kini 'Short'

Format lalai baharu: klip pendek menegak, sesuai set induksi dan WhatsApp kelas. Pilihan gaya visual (Whiteboard, Classic) hanya pada format 'Explainer'.



2

Had penggunaan


Akaun sekolah ikut had harian pelan. Jika butang 'Generate' kelabu, jana bahan ringan dahulu (Quiz, Flashcards, Mind Map) dan simpan Audio atau Video untuk topik paling penting.



3

Nama dan halaman utama

NotebookLM kini Gemini Notebook. Halaman utama ada tab All, My notebooks dan Collections; butang 'Create new' di atas kanan.



Aktiviti 1 dan 2: Buat, Cuba, Baiki

Buka LMS → Papan Pemuka → Aktiviti 1. Semua prompt sedia salin.

10 min

Aktiviti 1 • Notebook subjek

- 1 Muat turun PDF Unit 2 daripada LMS
- 2 Settings → Output language → Melayu
- 3 Create new notebook → Add sources → Upload
- 4 Tanya Prompt 1, klik rujukan; tanya Prompt 2 (cuba sempadan)
- 5 Save to note

10 min

Aktiviti 2 • Studio: buat dan cuba

- 1 Klik '>' Slide Deck: Presenter Slides, Melayu, Short, prompt superhero
- 2 Atau Infographic / Flashcards / Mind Map
- 3 Klik '>' Quiz: Fewer, Easy, fokus sepadan slaid
- 4 Jawab kuiz sendiri; cari soalan yang lemah
- 5 Baiki: jana semula dengan arahan khusus



Berpasangan jika akses terhad: seorang mengendalikan, seorang menyemak. Hantar satu pautan bahan ke Ruang Pameran.

03

SLOT 3

Canva AI for Education

Studio visual percuma untuk guru DELIMa: slaid daripada rangka yang disemak, aktiviti murid siap agih, Magic tools dan Canva Code.



Canva for Education: Premium Percuma untuk Guru

Log masuk melalui akaun MOE; menu 'Classroom' di bar sisi menandakan akaun pendidikan aktif



1

Semua ciri premium

Berjuta templat, elemen premium, Magic tools, Canva Code dan penjana aktiviti murid, tanpa bayaran.



2

Classroom & aktiviti murid

Cipta kelas, agihkan aktiviti dengan 'Assign' dan lihat hasil murid dalam satu tempat.



3

Kekal milik anda

Design tersimpan dalam akaun MOE; kongsi pautan 'Share' kepada rakan panitia dan ibu bapa.



Hub Canva AI: Prompt, Rangka, Design

canva.com/ai • 'What will we design today?' • cip: Create student activities, Design, Image, Doc, Code, Video clip



1 • Taip prompt lengkap

Bilangan slaid, bahasa, subjek, tahun, tajuk, gaya. Lengkap dan tepat.



2 • Semak rangka (Cuba)

Canva cadangkan outline: ikon pensel untuk edit, tong untuk padam, '+ Add page' untuk tambah. Betulkan fakta di sini.



3 • Generate design (Buat)

Pratonton muncul dalam perbualan; klik untuk buka editor penuh. Arahan susulan: 'tukar tema', 'tambah slaid aktiviti'.

PROMPT CONTOH (AKTIVITI 3, SEDIA SALIN DI LMS)

Hasilkan slaid pembentangan 8 muka dalam Bahasa Melayu untuk PdP Sains Tahun 4 bertajuk Sistem Pernafasan Manusia, gaya ceria dan mesra murid sekolah rendah, ada slaid objektif pembelajaran di awal dan soalan kuiz 3 pilihan pada slaid akhir.



Bawa rangka Notebook ke Canva

Salin tajuk slaid daripada Slide Deck yang sudah diuji dengan Quiz, tampilkan dalam prompt Canva. Fakta sudah disemak; Canva hanya menambah rupa.



Tiga Kuasa Tambahan Canva for Education

Pilih yang paling relevan dengan kelas anda; tidak wajib semua

A Create student activities



Cip di canva.com/ai. Taip topik, pilih Grade, Subject dan Learning purpose, semak objektif, pilih satu jenis aktiviti, Generate. 'View as student' untuk pratonton, 'Assign' untuk agih.

B Magic tools pada imej




Klik foto → 'Edit': Magic Eraser (padam objek), Magic Edit (ganti dengan arahan teks), Magic Layers (pisah design rata kepada lapisan boleh edit).

C Canva Code



Cip 'Code': taip permintaan dalam BM, pratonton berfungsi dalam 1 hingga 3 minit. Kuiz, roda nama, permainan padanan. 'Publish' untuk pautan awam.



CANVA CODE • CONTOH

Bina kuiz interaktif dalam BM tentang pernafasan Tahun 4, 5 soalan, skor, butang besar.

Aktiviti 3 dan 4: Slaid, Aktiviti Murid, Canva Code

Buka LMS → Aktiviti 3. Topik sama dengan Aktiviti 2 supaya pakej anda konsisten.

12 min

Aktiviti 3 • Slaid daripada rangka

- 1 canva.com/ai → taip prompt slaid BM (atau tampal rangka Notebook)
- 2 Cuba: semak rangka, edit, padam, tambah
- 3 Generate design → buka editor
- 4 Arahan susulan: tema, slaid tambahan
- 5 Share → Copy link → Ruang Pameran

10 min

Aktiviti 4 • Pilih satu

- 1 A. Create student activities: topik + Grade + Subject
- 2 A. Semak, terjemah baki BI, View as student
- 3 B. Cip Code: kuiz 5 soalan dalam BM
- 4 B. Uji di telefon, arahan susulan, Publish
- 5 Hantar pautan ke Ruang Pameran



Tanda 'Selesai' di LMS selepas setiap aktiviti; kita tayang tiga hasil terbaik dari Ruang Pameran pada Slot 4.

04

SLOT 4


Sambung Dua Alat

Satu laluan penuh: Notebook untuk fakta dan kuiz, Canva untuk rupa dan aktiviti • idea minggu depan • guru kekal nakhoda



Satu Laluan Penuh: Notebook ke Canva dalam 20 Minit

Apa yang anda baru buat hari ini, disusun semula sebagai satu laluan untuk topik sendiri



Sasaran

Notebook Chat: tampil kenyataan outcome, minta jadual PdP 60 minit dan senarai bahan.

1



Buat

Studio Slide Deck (Presenter Slides, BM) dan Flashcards istilah; salin tajuk slaid ke Canva AI untuk versi cantik.

2



Cuba

Studio Quiz 'Fewer, Easy'; jawab sendiri; minta Chat senaraikan fakta yang tidak disokong sumber.

3



Baiki

Jana semula slaid dengan arahan khusus; simpan pakej dan cuba dalam kelas esok.

4



Sasaran: Murid dapat menerangkan satu konsep dan membuktikannya melalui kuiz 5 soalan. • Masa: 20 minit

Idea untuk Minggu Depan: Pilih Satu

Enam idea, setiap satu siap dalam 10 hingga 20 minit dengan satu prompt utama. Pilih satu di LMS → Pelan Kelas Saya.



Satu topik, satu pakej (20 minit)

Murid dapat menerangkan satu konsep dan membuktikannya melalui kuiz 5 soalan.

20 minit • Notebook Chat

1



Nota tiga aras untuk satu kelas

Setiap murid, lemah hingga cemerlang, dapat menyiapkan satu tugasan yang sepadan dengan arasnya.

15 minit • Reports • Create Your Own

2



Pembuka kelas 5 minit

Murid tertanya-tanya dan boleh menyebut satu soalan sendiri tentang topik sebelum pengajaran bermula.

10 minit + masa jana • Video Overview Short

3



Cari salah faham murid

Guru tahu tiga salah faham lazim murid tentang topik ini dan ada soalan diagnostik untuk mengesannya.

12 minit • Quiz • Misconception Checks

4



Mesej untuk ibu bapa

Ibu bapa faham apa yang dipelajari minggu ini dan cara membantu di rumah, dalam satu mesej yang dibaca dalam 30 saat.

8 minit • Reports • Briefing Doc

5



Latihan di telefon murid

Murid boleh berlatih sendiri di telefon atau Chromebook dan mendapat maklum balas serta-merta.

10 minit • Canva Code

6

Guru Kekal Nakhoda

Kerja boleh diserahkan; keputusan kekal di tangan guru. Pembahagian tugas yang sihat antara guru dan AI.



AI boleh pegang

- 1 Draf pertama pelan dan bahan
- 2 Variasi aras dan tema
- 3 Soalan kuiz dan kad imbasan
- 4 Ringkasan sumber panjang
- 5 Semakan awal fakta lawan sumber



Guru mesti pegang

- 1 Tentukan outcome dan bukti
- 2 Kenal murid: aras, minat, latar
- 3 Sahkan fakta dan kesesuaian
- 4 Keputusan pedagogi dan masa
- 5 Tanggungjawab akhir bahan yang diedar



Ujian mudah: jika AI tersilap, siapa yang menanggung akibatnya di dalam kelas? Itulah keputusan yang tidak boleh diserahkan.

Enam Amalan Etika Wajib

Tidak boleh dikompromi walau sehebat mana bahan yang dihasilkan

1 Jangan muat naik data peribadi murid



Nama penuh, nombor kad pengenalan, markah individu dan foto murid tidak sepatutnya dimuat naik ke mana-mana alat AI. Gunakan data tanpa nama atau data contoh.

2 Semak sebelum guna



AI boleh tersilap dengan yakin. Baca dan sahkan setiap fakta, terutama sebelum diedarkan kepada murid. Anda guru, AI pembantu.

3

Guna akaun MOE untuk kerja rasmi



Akaun moe-dl.edu.my memberi perlindungan Workspace for Education dan akses Canva for Education percuma. Elakkan akaun peribadi untuk dokumen sekolah.

4

Nyatakan bantuan AI jika wajar



Untuk bahan rasmi yang diedarkan secara meluas, amalan baik ialah menyatakan bahan dibantu AI dan disemak oleh guru.

5

Hormati hak cipta



Jangan muat naik buku teks berhak cipta ke platform awam untuk dikongsi semula. Kegunaan peribadi untuk PdP adalah wajar, penerbitan semula tidak.

6

Ikut Panduan Literasi AI KPM



SPI KPM Bil. 2 Tahun 2026 dan Buku Panduan Literasi AI menjadi rujukan rasmi penggunaan AI di sekolah. Semak versi terkini di laman KPM.



RUJUKAN RASMI

SPI KPM Bil. 2 Tahun 2026 · Buku Panduan Literasi AI KPM

Rumusan: Bila Guna Yang Mana?


Dua alat ini saling melengkapi. Panduan mudah:



Gemini Notebook

notebook.google.com

- ✓ Anda ADA bahan (DSKP, buku teks, nota, kertas soalan) dan mahu AI bekerja BERDASARKAN bahan itu
- ✓ Perlukan jawapan berujukan yang boleh disemak, kurang risiko rekaan
- ✓ Mahu tukar bahan kepada kuiz, podcast, slaid, infografik atau peta minda secara automatik



Canva AI

canva.com/ai

- ✓ Anda mahu HASILKAN bahan visual baharu: slaid cantik, poster, lembaran kerja
- ✓ Perlukan bahan interaktif segera (Canva Code) atau aktiviti murid siap agih
- ✓ Mahu sunting imej dengan pantas: Magic Eraser, Magic Edit, Magic Layers

Aliran kerja paling berkesan: rancang dan sahkan fakta dengan Gemini Notebook dahulu (sumber, rangka, kuiz penguji), kemudian bawa rangka itu ke Canva AI untuk visual dan aktiviti murid.



Satu sasaran setiap minggu.

M1

Satu notebook subjek dengan DSKP dan buku teks; satu Quiz untuk topik minggu depan.

M2

Satu pakej PdP mini (Idea 1) untuk topik sebenar; cuba dalam kelas, catat respons murid.

M3

Satu aktiviti murid Canva atau kuiz Canva Code yang murid guna sendiri.

M4

Kongsi satu idea dengan rakan panitia; bina pustaka prompt panitia dalam Google Docs.

SEMUA BAHAN KEKAL DI

skdsza.tsapps.my

Aktiviti · Pelan Kelas Saya · Prompt · Pameran

TERIMA KASIH

Ts. Ashraf bin Naim

PPD Kluang · Hubungi melalui LMS

